

**NFC Terkejut Dengan Cadangan Tuduhan Pecah Amanah
Bernama
26 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- National Feedlot Corporation (NFC) hari ini melahirkan rasa terkejut dengan cadangan polis supaya pengerusinya Datuk Dr Mohamed Salleh Ismail didakwa atas tuduhan pecah amanah.

"NFC terkejut dan bingung bahawa pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Syed Ismail Syed Azizan mengeluarkan kenyataan itu terlalu awal sedangkan beliau sendiri mengakui siasatan masih berjalan dan dengan itu masih belum siap," menurut syarikat itu dalam kenyataan yang disediakan oleh firma perunding perhubungan awamnya.

Menurut kenyataan itu, syarikat sedang meneliti dakwaan polis itu atas nasihat peguamnya Shafee Abdullah.

Pada Sabtu, Syed Ismail berkata polis mencadangkan supaya Mohamed Salleh, suami Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil didakwa bagi pertuduhan pecah amanah.

Beliau berkata cadangan itu terkandung dalam kertas siasatan yang sedang disiapkan polis, setelah dikembalikan pihak Peguam Negara Selasa lepas bagi menyiasat beberapa perkara lain.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648103>